

Biden tinggalkan legasi sebagai penaung genosid Israel di Gaza



Pensyarah Pusat Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia (UUM)

Oleh Prof Madya Dr Noraidah Ismail
bhrencana@bh.com.my

Kematian akibat serangan genosid Israel ke atas penduduk awam Gaza sudah mencecah 47,000 orang. Sejak serangan ke atas Gaza pada Oktober 2023, iaitu 15 bulan lalu, genosid itu sukar dihentikan.

Hampir semua tidak-tanduk rejim Zionis dipertahankan sekutunya, Amerika Syarikat (AS), manakala pentadbiran Joe Biden menggunakan pelbagai pendekatan bagi melindungi kepentingan dan keselamatan Israel.

Pada peringkat domestik, AS berusaha menutup suara rakyatnya yang memperjuangkan hak rakyat Palestin. Sekitar April dan Mei tahun lalu, polis mengambil tindakan agresif dengan menangkap ratusan pelajar universiti pro-Palestin.

Pelajar yang mengadakan protes di kampus universiti menuntut agar kerajaan menghentikan penghantaran senjata ke Israel. Mereka juga menggesa pihak tertentu menghentikan pelaburan dalam syarikat mempunyai hubungan dengan Israel.

Tujuan protes adalah memperjuangkan sifat kemanusiaan dan simpati ke atas penduduk Gaza, namun pentadbiran Biden jelas tidak senada dengan suara protes itu.

Biden lebih rela mencemar amalan kebebasan bersuara di AS dan mengesetipkan prinsip hak asasi manusia demi melindungi kezaliman rejim Israel.

AS juga kerap menyalurkan bantuan ketenteraan kepada Israel dengan pelbagai justifikasi. Antara

sebab sering dikemukakan Biden adalah membantu Israel mempertahankan negaranya dan hubungan kuat yang disifatkan *ironclad* antara Washington dengan Tel Aviv.

Banyak 'cek kosong' diberikan kepada Israel untuk meneruskan genosid di bumi Gaza. Setiap tahun AS menyalurkan bantuan ketenteraan melebihi AS\$3 bilion (RM13.5 bilion).

Pada tahun lalu, jumlah bantuan ditingkatkan dan hampir tiada syarat dikenakan ke atas Israel. Biden meluluskan AS\$17 bilion (RM76.5 bilion) bantuan tambahan kepada Israel pada April.

Empat bulan berikutnya, pentadbiran Biden berhasrat menambah jumlah bantuan ketenteraan sekitar AS\$3.5 bilion (RM15.7 bilion). Sebahagian bantuan itu disalurkan kepada unit ketenteraan Israel beroperasi di Tebing Barat.

Jumlah bantuan besar kepada Israel

Pemberian jumlah bantuan besar kepada Israel mengundang implikasi negatif kepada AS. Pentadbiran Biden dilihat mengutamakan kerjasama politik daripada prinsip hak asasi manusia. Pentadbiran Rumah Putih juga menutup mata terhadap kesengsaraan dilalui penduduk Gaza.

Bantuan diberikan kepada rejim Zionis memamerkan pembabitin AS secara aktif dalam jenayah perang Israel ke atas penduduk Gaza.

Selain kemusnahan kehidupan rakyat Palestin, AS juga berperanan dalam melahirkan negara Zionis yang mendukung prinsip keganasan di Asia Barat.

AS dan negara anggota Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) kerap mempunyai pandangan dan kepentingan berbeza apa

bila draf resolusi berkaitan gencatan senjata dibincangkan.

Washington sudah empat kali menggunakan kuasa veto sejak Israel melancarkan serangan ke atas Gaza.

Februari tahun lalu, AS mengemukakan draf resolusi gencatan senjata sementara dengan menggunakan formula, iaitu semua tahanan dibebaskan dan sekatan dilucutkan bagi memberi laluan kepada penghantaran bantuan kemanusiaan ke Gaza.

Pada Mac berikutnya, AS mengambil pendekatan berkecuali pada mesyuarat Majlis Keselamatan PBB. Satu draf resolusi gencatan senjata sempena Ramadan diluluskan. Walaupun Amerika memilih tidak mengundi, dasar dan sokongan ke atas Israel sama sekali tidak berubah.

Ketika Ahli Majlis Keselamatan PBB mengusulkan draf resolusi menuntut gencatan senjata 'segera tanpa syarat dan kekal', AS menggunakan kuasa veto atas alasan tidak bersetuju dengan kenyataan tertentu.

AS menentang kenyataan menggariskan 'gencatan senjata tanpa syarat' kononnya kerana khastir tahanan tidak akan dibebaskan.

Apapun keputusan AS ke atas draf resolusi dikemukakan di Majlis Keselamatan PBB, kuasa veto dipegang kuasa besar ini menjadi senjata perang dalam menentang negara mengancam genosid Israel di Gaza.

Kuasa veto juga memberi jaminan kepada Israel bahawa kekejaman dan kemusnahan di Gaza boleh diteruskan.

AS dan pentadbiran Biden khususnya, mengukir satu sejarah hitam, malah meninggalkan satu legasi dikenali sebagai penaung genosid Israel di Gaza.